

Bajet 2017: Bantu pelajar luar negara

KUALA LUMPUR 7 Okt. - Cadangannya supaya kerajaan mewujudkan dana khas membantu pelajar Malaysia di Mesir menyelesaikan hutang yuran pengajian mereka menerusi Bajet 2017 sewajarnya diperluaskan untuk pelajar di negara lain yang menghadapi masalah sama.

Tokoh pendidikan, **Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim** berkata, dana itu tidak semestinya dikhaskan kepada pelajar di Mesir kerana masalah sama dikhuatiri turut ditanggung pelajar di negara lain.

"Walau bagaimanapun, cadangan kepada kerajaan ini tidak boleh dijadikan sebagai kebiasaan, sebaliknya pelajar bukan tajaan kerajaan sepatutnya lebih praktikal dalam memastikan sumber kewangan mencukupi sebelum melanjutkan pelajaran di luar negara.

"Kerajaan juga perlu memantau kesediaan dalam pelbagai aspek sebelum membenarkan para pelajar menyambung pelajaran

ke negara yang mereka pilih," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Akhbar sebelum ini melaporkan sekumpulan pelajar persendirian Malaysia di Mesir sejak Ogos lalu terpaksa melancarkan projek HOPE selepas mereka dibebani masalah hutang pengajian dan sedang berdepan risiko disingkirkan dari universiti walaupun sudah berada di tahun tiga.

Susulan itu, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) mencadangkan supaya kerajaan menyediakan dana khas berjumlah RM10 juta dalam Bajet 2017 untuk membantu mereka melunaskan hutang berkenaan.

Dalam perkembangan sama, Felo Utama Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** bersetuju dana itu diwujudkan atas dasar kemanusiaan bagi membantu pelajar yang merupakan bakal pakar dalam pelbagai bidang di negara ini me-



NIK SAFIAH KARIM



TEO KOK SEONG



ZAKARIA KASA

neruskan pengajian mereka.

"Namun, jika kerajaan memulakan dana ini untuk pelajar di Mesir, bersedialah untuk berhadapan dengan situasi akan datang apabila pelajar di negara lain akan menuntut manfaat sama.

"Ini sudah boleh dikira sebagai 'budaya menolong' yang tidak mustahil menjadi satu kebiasaan kepada pelajar persendirian untuk mengharapkan bantuan sama," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan

Modal Insan Majlis Profesor Negara, **Prof. Datuk Dr. Zakaria Kasa** berkata, untuk membela nasib 150 pelajar di Mesir itu, kerajaan boleh menghulurkan bantuan sepatutnya bagi memastikan mereka menyelesaikan pengajian.

"NGO juga digalakkan membantu kerajaan dalam menyelesaikan masalah tersebut. Pelajar persendirian juga perlu memikirkan sedalam-dalamnya kemampuan sebelum membuat keputusan melanjutkan pelajaran ke luar negara," jelasnya.